



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “MUSIM TENGGUJUH: PERSIAPAN MENGHADAPI BANJIR”

11 November 2022 / 16 Rabiul Akhir 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ<sup>1</sup>:

﴿وَأَصْنَعُ الْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحِّينَا وَلَا تَخْطِبْنِي فِي الَّذِينَ ظَلَمُوا إِنَّهُمْ مُّغْرَقُونَ ﴿٣٧﴾ وَيَصْنَعُ الْفُلْكَ وَكُلَّمَا مَرَّ عَلَيْهِ مَلَأُ مِنْ قَوْمِهِ سَخِرُوا مِنْهُ قَالَ إِنْ تَسْخَرُونَ مِنَّا فَإِنَّا نَسْخَرُ مِنْكُمْ كَمَا تَسْخَرُونَ ﴿٣٨﴾﴾

Bermaksud: Dan binalah bahtera dengan pengawasan dan panduan melalui wahyu Kami (tentang cara membinanya); dan janganlah engkau merayu kepada Ku untuk menolong kaum yang zalim itu, kerana sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan (dengan taufan)". Dan Nabi Nuh pun mula membina bahtera itu. Setiap kali sepuak dari kaumnya melalui tempat Nabi Nuh membina bahteranya, mereka mengejek-ejeknya. Nabi Nuh menjawab, "Jika kamu memandang kami bodoh (kerana membina bahtera ini), maka sesungguhnya kami juga memandang kamu bodoh (kerana keingkaran kamu), sebagai (balasan) ejekan kamu. (Surah Hud ayat 37 hingga 38)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Para tetamu Allah yang dirahmati,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredaan Allah SWT di dunia mahupun di akhirat. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk:

## “MUSIM TENGGUJUH: PERSIAPAN MENGHADAPI BANJIR”

<sup>1</sup> Pujian kepada Allah SWT

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Musim tengkujuh dijangka bermula pada pertengahan November 2022 dan berakhir pada Mac 2023. Dalam tempoh tersebut, perubahan cuaca yang membawa hujan lebat berterusan boleh mengakibatkan berlaku banjir besar terutama di kawasan berkedudukan rendah dan berhampiran sungai. Di negeri Perak, secara keseluruhannya, terdapat 171 kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan berkemungkinan dilanda banjir.

Berpandukan rekod purata taburan hujan tahunan Jabatan Pengairan dan Saliran, dalam tahun 2022, negeri Perak dianggarkan merekodkan taburan hujan sebanyak dua ribu empat ratus dua puluh milimeter (2420mm). Sehingga 26 Oktober, taburan hujan yang telah turun, hanya seribu tiga ratus tiga puluh tiga milimeter (1333mm), menyamai nisbah lima puluh enam peratus (56%) daripada jumlah keseluruhan purata taburan tahunan; bermakna, masih terdapat baki seribu enam puluh lima milimeter (1065mm) atau empat puluh empat peratus (44%) purata hujan yang dijangka akan turun antara bulan November dan Disember. Diramalkan hujan lebat akan turun secara berterusan dalam bulan November dan Disember 2022.

### **Jemaah yang dirahmati Allah,**

Islam amat mengutamakan kemaslahatan manusia. Ummah diseru agar membuat persiapan menghadapi banjir. Nabi Allah Nuh AS sebagai contoh, melakukan persiapan untuk menghadapi musibah dengan membina bahtera. Hujan lebat yang diramalkan berlaku dalam tempoh dua bulan ini, kemungkinan mengakibatkan berlaku banjir. Oleh itu, ummah dinasihatkan untuk mengusahakan langkah-langkap persiapan. Pepatah Melayu mengingatkan agar disediakan payung sebelum hujan. Mimbar dengan ini menyenaraikan beberapa langkah persiapan dan menyeru kepada beberapa peringatan:

**Pertama:** Dalam menghadapi musibah yang menimpa diri secara khusus atau yang melanda manusia secara umum, perbuatan mengeluh, menyalahkan takdir dan menuding jari kepada orang lain tidak akan menyelesaikan masalah. Apa yang wajar dilakukan adalah bermuhasabah diri dengan melihat dan mengenal pasti bentuk serta punca setiap musibah dan bagaimana cara terbaik untuk menangani sesuatu musibah. Sebaik-baik tindakan ketika mendepani apa jua musibah adalah beristighfar atau memohon ampun kepada Allah akan dosa serta kesalahan yang dilakukan sama ada yang disedari mahupun yang tidak disedari.

**Kedua:** Ummah diseru perbanyakkan berdoa agar dihindari hujan yang boleh menyebabkan musibah banjir seperti yang diajar oleh Baginda SAW:

## اللَّهُمَّ حَوِّلْنَا وَلَا عَلَيْنَا

Bermaksud: Ya Allah jadikan hujan ini di sekitar kami, bukan tepat di atas kami.

(Hadis Riwayat al-Bukhari no 933)

**Ketiga:** Membersihkan longkang dan laluan air daripada halangan dan tersumbat dengan sampah sarap, hentikan perbuatan membuang sampah ke dalam longkang, parit dan sungai, serta pastikan saluran najis tertutup rapat supaya air banjir tidak masuk melaluinya.

**Keempat:** Dapatkan maklumat terkini tentang banjir melalui radio dan televisyen, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah atau pihak-pihak yang berkaitan.

**Kelima:** Mengetahui Pusat Pemindahan, Pusat Bantuan Bencana serta Pusat Kawalan Operasi Banjir di tempat masing-masing. Simpan dalam telefon bimbit, nombor talian pusat kawalan operasi bencana daerah atau balai polis terdekat. Bimbing ahli keluarga untuk mengetahui cara bertindak semasa berlaku kecemasan.

**Keenam:** Bertindak segera bila terdengar bunyi siren amaran. 33 buah Sistem Amaran Awal Banjir, iaitu stesen siren, telah dipasang di sekitar kawasan sungai untuk memberi amaran apabila air sungai mulai naik ke paras bahaya. Siren amaran akan berbunyi dua kali. Siren pertama akan berbunyi apabila aras air berada di paras berjaga-jaga. Siren kedua akan berbunyi apabila aras air berada di peringkat bahaya. Oleh yang demikian, apabila kedengaran bunyi siren pertama, ummah perlu bersiap sedia dan turut memberi tahu jiran untuk berpindah ke tempat lebih selamat di pusat-pusat pemindahan yang disediakan.

**Ketujuh:** Ketika melihat tanda-tanda awal banjir, pindahkan perabot dan peralatan-peralatan rumah ke tempat yang selamat, menutup suis elektrik, injap utama bekalan air dan gas; juga pastikan dokumen-dokumen penting seperti hak milik tanah, rumah, kenderaan dan sijil berada di tempat yang selamat atau dibawa bersama dalam bekas kalis air.

**Kelapan:** Sediakan peralatan kecemasan seperti lampu picit dan pelampung, ubat dan alat perubatan, bekalan makanan terutama susu bayi dan makanan kanak-kanak, juga pakaian panas dan selimut terutama untuk keperluan kanak-kanak dan warga tua.

**Kesembilan:** Elakkan daripada melalui kawasan banjir dan arus deras yang boleh menghanyutkan; tidak bersiar-siar di kawasan banjir sama ada dengan sampan mahupun berjalan kaki, tidak menyentuh mana-mana kabel atau wayar yang jatuh, melarang kanak-kanak daripada bermain-main di tepian longkang, sungai, tasik atau lombong.



**Kesepuluh:** Kaum keluarga dan sanak saudara diseru melaksanakan tanggungjawab fardu kifayah. Mereka yang tinggal dalam kawasan bebas banjir hendaklah menawarkan tempat tinggal berlindung kepada ahli keluarga yang dilanda banjir, terutama pada ahli keluarga yang dalam keuzuran, mempunyai ramai anak kecil, warga tua dan wanita, supaya dapat berada dalam suasana hidup yang lebih selesa, di samping dapat mengurangkan bilangan yang perlu diberikan tempat di pusat-pusat pemindahan.

**Kesebelas:** Jawatankuasa masjid, surau dan kariah, di mana sesuai, menawarkan tempat perlindungan kepada mangsa-mangsa banjir, di samping mengusahakan kutipan dana khas membantu mangsa banjir dalam kariah masing-masing.

**Kedua belas:** Badan-badan belia dan badan-badan sukarela, berperanan proaktif, menawarkan khidmat dan tenaga melakukan pelbagai kerja kebajikan membantu mangsa-mangsa banjir semasa banjir dan pasca banjir.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَاِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللهَ  
الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup>  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ  
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي  
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ  
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Selamatkan kami daripada sebarang musibah atau bencana seperti banjir kilat, ribut taufan dan sebagainya. Limpahkan hujan rahmat ke atas kami yang menyuburkan tanaman kami dan iman kami.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَابْتِغَىٰ لِعِبَادِكُمْ لَعَدَّكُمْ تَذَكُّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ  
عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.